PELANGI

EDISI GURU

# TARGET PBD

## MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

TINGKATAN 5 KSSM

# BAHASA MELAYU


Mburhanuddin
Mohamad Badon
Muhammad Muzammil
Taming Sari
Siti Rohana


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Daftar untuk latihan ekstra!
POT PELANGI ONLINE TEST



PEMBELAJARAN DIGITAL
- Info
- Video
- Tutorial
- Cetus Idea
- Audio
- POT

PEMERKASAAN PBD & SPM
- Nota Ekspres
- Modul PBD
  - Praktis Topikal
  - KBAT & i-THINK
  - Aktiviti PAK-21
  - Penerapan Pendidikan Sivik
  - Nota Grafik KOMSAS Kod QR
- Modul SPM
  - Praktis SPM
  - Kertas Model SPM
- Jawapan Kod QR

BONUS GURU

EG-i EDISI GURU INTERAKTIF dengan butang JAWAPAN

- Edisi Guru PDF
- e-RPH
- PowerPoint Interaktif
- Bank Soalan SPM

dan banyak lagi!

ePelangi+
https://plus.pelangibooks.com/

# TARGET PBD

**EDISI GURU**

**MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH**

**TINGKATAN 5**
**KSSM**

# BAHASA MELAYU



- Melancarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
- Memantapkan Pentaksiran Formatif dan Sumatif
- Menyokong Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mesra Digital
- Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid







## PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU

### EDISI GURU

VERSI CETAK

**PEMERKASAAN PBD & SPM**
- Nota Ekspres
- Modul PBD
- Modul SPM
- Kertas Model SPM
- Jawapan

**PEMBELAJARAN DIGITAL**
- Pelbagai bahan sokongan pembelajaran dalam talian

### RESOS DIGITAL GURU

**ePelangi+**

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+

EG-i + BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# EDISI GURU (versi cetak)

PANDUAN PENGGUNAAN

## A Kandungan

Kandungan mengemukakan bahagian-bahagian buku berserta rujukan bahan-bahan digital sokongan dalam buku.

### KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid

MODUL PBD

TEMA 1 Anda Bersih, Anda Sihat 1 (Praktis, Audio, Info, Cetus idea)

TEMA 2 Sukan dan Rekreasi 5 (Nota, Praktis, Audio)

TEMA 3 Kerjaya Meniti Jaya 8 (Nota, Praktis, PAK-21)

TEMA 4 Bersatu Kita Teguh 12 (Praktis, Audio, PAK-21)

TEMA 5 Pendidikan untuk Semua 15 (Praktis, Nota, Cetus idea)

TEMA 6 Sains, Teknologi dan Inovasi 19 (Praktis, Nota)

TEMA 7 Pertanian, Penternakan dan Perikanan 23 (Praktis)

TEMA 8 Melancong Mencari Makna 26 (Praktis, PAK-21)

TEMA 9 Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan 28 (Praktis)

TEMA 10 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 32 (Praktis, PAK-21)

TEMA 11 Dunia Selamat Milik Kita 35 (Praktis, Cetus idea, PAK-21)

TEMA 12 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 37 (Praktis, Cetus idea, PAK-21)

TEMA 13 Jati Diri, Warganegara Patriotik 40 (Praktis, Audio)

TEMA 14 Citra Bahasa dan Sastera Kita 42 (Praktis, Audio, Video)

TEMA 15 Industri Cemerlang, Negara Gemilang 45 (Praktis)

TEMA 16 Integriti 47 (Praktis, Audio)

Jom Ulang Kaji 51


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. iii

## B Rekod Pentaksiran Murid

Jadual untuk catatan prestasi Tahap Penguasaan murid.

### REKOD PENTAKSIRAN MURID
### BAHASA MELAYU Tingkatan 5

Nama: ................................ Tingkatan: ................

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 ANDA BERSIH, ANDA SIHAT | Mendengar dan Bertutur | 1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul. | 1 | |
| | Membaca | 2.1.1 Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. | 2 | |
| | Menulis | 3.1.1 Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks. | 3 | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional. | 4 | |
| 2 SUKAN DAN REKREASI | Mendengar dan Bertutur | 1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul. | 5 | |
| | Membaca | 2.1.2 Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | 6 | |
| | Aspek Tatabahasa | 5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | 7 | |
| 3 KERJAYA MENITI JAYA | Mendengar dan Bertutur | 1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat. | 8 | |
| | Membaca | 2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan. | 9 | |
| | Menulis | 3.3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan. | 10 | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional. | 11 | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. v

## C Nota Ekspres

Nota yang ringkas dan mudah diikuti oleh murid serta mencakupi tema tertentu dan setiap bahagian Praktis SPM.

### PRAKTIS SPM 5

**LISAN**

Lisan Bertutur

**NOTA EKSPRES**

PETA KONSEP Lisan Bertutur

KERTAS 1103/3
→ Mengandungi dua bahagian

Bahagian A: Taksiran Individu → Satu petikan/bahan rangsangan dikemukakan → Bersoal jawab dengan pentaksir → Kaedah penskoran: Analitik → Markah: 40 → Masa: 3 hingga 5 minit

Bahagian B: Taksiran Berkumpulan → Satu tajuk/tema dikemukakan → Berbincang tentang tajuk/tema bersama ahli kumpulan → Kaedah penskoran: Holistik → Markah: 30 → Masa: 12 hingga 15 minit

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Lisan Bertutur Secara Individu**
1. Murid memakai pakaian sekolah dengan kemas dan lengkap. Hal ini penting sebagai gambaran penampilan diri.
2. Di dalam bilik kuarantin, murid akan diberikan bahan ujian untuk dibaca secara senyap. Baca bahan tersebut dengan telitinya.
3. Murid akan dipanggil secara bergilir-gilir mengikut nombor giliran yang telah ditetapkan masuk ke bilik pentaksiran. Sewaktu masuk ke dalam bilik pentaksiran, duduk dengan selesa dan penuh keyakinan.
4. Dengar arahan pentaksir dengan telitinya.
5. Baca bahan petikan secara mekanis (kuat) mengikut intonasi suara yang sesuai.
6. Selepas selesai membaca petikan, murid akan ditanya empat soalan secara lisan. Kebiasaannya soalan pertama dan kedua melibatkan pemindahan maklumat teks daripada bahan petikan yang dibaca. Murid boleh melihat bahan petikan kembali. Murid hanya perlu menyatakan idea dan bukannya huraian atau contoh petikan.
7. Soalan ketiga dan keempat biasanya melibatkan soalan seperti pendapat, huraikan, jelaskan, dan bincangkan.
8. Murid digalakkan untuk menggunakan bahasa yang gramatis dan penggunaan kosa kata yang tepat.
9. Elakkan menggunakan bahasa slanga atau istilah bahasa Inggeris sewaktu menyampaikan idea jawapan.
10. Murid juga perlu mengemukakan idea yang relevan, matang, dan tepat dengan kehendak soalan.

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Lisan Bertutur Secara Kumpulan**
1. Baca arahan soalan atau tema dengan teliti. Berikan perhatian kepada kata kunci seperti *Ulas dan bincangkan*. 'Ulas' merujuk kepada perbuatan mengulas dengan memberikan keterangan dan taksiran tentang sesuatu perkara, manakala 'Bincangkan' pula bermaksud bertukar-tukar pendapat dengan ahli kumpulan mengenai perkara yang penting.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 138



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Modul PBD » Pentaksiran Formatif




1 Praktis topikal yang dikriteriakan mengikut kemahiran yang terdapat dalam buku teks.

2 Soalan yang mematuhi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) serta sejajar dengan halaman buku teks.

3 Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mencabar pemikiran murid.

4 Tahap Penguasaan (TP) murid boleh dinilai di akhir setiap halaman. Tahap Penguasaan yang boleh dicapai oleh murid ialah TP1 hingga TP6.

PANDUAN PENGGUNAAN




5 **Aktiviti PAK-21** disertakan untuk menyempurnakan PdPc.

6 **Bahan pembelajaran digital** seperti Audio, Info, Video, Video Tutorial, dan Cetus Idea menyokong pembelajaran yang kondusif.

7 **Pendidikan Sivik** merupakan aktiviti yang menerapkan empat nilai teras, iaitu kasih sayang, kegembiraan, bertanggungjawab, dan hormat-menghormati.

8 **Jom Ulang Kaji**
Soalan tentang aspek tatabahasa sebagai latihan ulang kaji bagi mengukuhkan tahap pengetahuan murid..













Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PANDUAN PENGGUNAAN

## E Modul SPM » Pentaksiran Sumatif

1. Praktis-praktis topikal dengan soalan-soalan berpiawai SPM.
2. Praktis berdasarkan setiap bahagian untuk membiasakan murid dengan soalan berformat SPM.
3. Kertas Model SPM **Kod QR**
4. Pembelajaran digital melibatkan Pelangi Online Test (POT)










## F Nota Grafik KOMSAS

Nota KOMSAS **Kod QR** disediakan di halaman Kandungan.







## G Jawapan

Jawapan keseluruhan buku **Kod QR** disediakan di halaman Kandungan.









Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# RESOS DIGITAL GURU ePelangi+

Di platform ePelangi+ , guru yang menerima guna (*adoption*) siri Target PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

## 1 Apakah itu EG-i ?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Target PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.






## Halaman Contoh EG-i



TEMA 14

MODUL PBD

Citra Bahasa dan Sastera Kita

Buku Teks: m.s. 178 – 192

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR — TP

Dengar petikan wawancara dengan telitinya. Kemudian, buat rumusan dan penilaian anda tentang amalan membaca dengan menggunakan ayat yang gramatis. SP 1.8.2

TRACK 5

Amalan Membaca

1 Petikan wawancara membincangkan amalan membaca yang wajar dijadikan budaya dalam hidup manusia terutamanya masyarakat di Malaysia. Dengan adanya usaha kerajaan yang melancarkan program Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020, diharapkan usaha memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat berjaya.

2 Tokoh sastera tersebut menyarankan beberapa usaha yang perlu dilakukan untuk memartabatkan sastera. Antaranya ialah penerbit buku dan novel perlu memeriksa dan memerhatikan tema ciptaan sesebuah karya sastera yang disiarkan.

3 Bagi beliau, tema sesebuah karya sastera mestilah selari dengan kehidupan masyarakat.

4 Selain itu, beliau berpendapat bahawa buku ialah ilmu pengetahuan dan kehidupan.

5 Apabila kita membaca buku, kita akan masuk ke dalam ruangan kehidupan orang lain.

6 Beliau juga berharap agar masyarakat kita menjadikan budaya membaca sebagai amalan bagi mengetahui hal dunia.

42

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Previous | Chapters | Notebook | Search | Settings | Next

Klik Kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Cetus Idea (audio), Video, dan Video Tutorial.

Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui ***Setting***.

**Alat sokongan lain:**

- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Klik butang **JAWAPAN** untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (*hidden*) semasa penyampaian PdPc.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 2 BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform ePelangi+ boleh dimuat turun atau dimainkan terus.

**Bahan pengajaran**
- e-RPH (Microsoft Word)
- Edisi Guru pdf
- PowerPoint Interaktif
- Peta Konsep
- Nota Visual
- Modul Pendidikan Sivik
- Modul PAK-21

**Bahan latihan**
- Praktis Pengukuhan
- Bank Soalan SPM
- Kertas Model SPM

Boleh dimuat turun

**Bahan sokongan PdPc ekstra** yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui *thumb indeks* eP+ .

## CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA

eP+ Nota Visual




**Nota Visual**
Nota berwarna dalam bentuk grafik yang menarik.

eP+ Peta Konsep




**Peta Konsep**
Kerangka bab berwarna dalam bentuk carta.

Praktis Ekstra eP+




**Praktis Ekstra**
Latihan tambahan mengikut tema.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.




## Powerpoint Interaktif

Slide pengajaran PPT lengkap yang meliputi setiap topik dan subtopik.




## Bank Soalan SPM

Soalan berpiawai SPM mengikut topik



# ePelangi+

**Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+ ?**

### LANGKAH 1
**DAFTAR AKAUN**

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account*.

**Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.**

### LANGKAH 2
***ENROLMENT***

*Log in* ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary* [*Full Access*].

Masukkan *Enrolment Key* untuk *enrol*.

**Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key*.**

### LANGKAH 3
**AKSES RESOS DIGITAL**

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.







*** Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG 8.**

# HUBUNGI WAKIL PELANGI

## PERKHIDMATAN & SOKONGAN

| KAWASAN | NOMBOR TELEFON |
|---|---|
| **Utara Semenanjung** | 012-4983343 |
| Perlis / Kedah | 012-4853343 |
| Penang | 012-4923343 |
| Perak | 012-5230133 / 019-6543257 |
| **Wilayah Tengah Semenanjung** | 012-3293433 |
| | 012-7800533 |
| | 012-7072733 |
| | 012-3297633 |
| | 019-3482987 |
| **Selatan & Pantai Timur Semenanjung** | 012-7998933 |
| Negeri Sembilan / Melaka | 010-2432623 |
| Johor | 012-7028933 |
| Pahang / Terengganu | 012-9853933 |
| Kelantan | 012-9863933 |
| **Malaysia Timur** | 012-8889433 |
| Kuching / Sarikei | 012-8839633 |
| Sibu / Bintulu / Miri | 012-8052733 |
| Sabah | 012-8886133 |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELANGI Books Gallery

**GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE**

**Bangi**
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

**Johor Bahru**
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

**E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI**
service1@pelangibooks.com

**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI**

PelangiPublishing PelangiBooks PelangiBooks

# KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid

**MODUL PBD**

TEMA 1 Anda Bersih, Anda Sihat 1
ePraktis, Audio, Info, Cetus idea

TEMA 2 Sukan dan Rekreasi 5
eNota, ePraktis, Audio

TEMA 3 Kerjaya Meniti Jaya 8
eNota, ePraktis, PAK-21

TEMA 4 Bersatu Kita Teguh 12
ePraktis, Audio, PAK-21

TEMA 5 Pendidikan untuk Semua 15
ePraktis, eNota, Cetus idea

TEMA 6 Sains, Teknologi dan Inovasi 19
ePraktis, eNota

TEMA 7 Pertanian, Penternakan dan Perikanan 23
ePraktis

TEMA 8 Melancong Mencari Makna 26
ePraktis, PAK-21

TEMA 9 Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan 28
ePraktis

TEMA 10 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 32
ePraktis, PAK-21

TEMA 11 Dunia Selamat Milik Kita 35
ePraktis, Cetus idea, PAK-21

TEMA 12 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 37
ePraktis, Cetus idea, PAK-21

TEMA 13 Jati Diri, Warganegara Patriotik 40
ePraktis, Audio

TEMA 14 Citra Bahasa dan Sastera Kita 42
ePraktis, Audio, Video

TEMA 15 Industri Cemerlang, Negara Gemilang 45
ePraktis

TEMA 16 Integriti 47
ePraktis, Audio

Jom Ulang Kaji 51


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## MODUL SPM


**PRAKTIS SPM 1** 54

Peta Konsep · Nota Visual · Tutorial · Video

**PENULISAN** 54

**Karangan Respons Terhad** 54
- Nota Ekspres 54
- Model Karangan Respons Terhad 56
- Praktis 59

**Karangan Respons Terbuka** 66
- Nota Ekspres 66
- Model Karangan Respons Terbuka 68
- A Rencana 73
  - Nota Ekspres 73
  - Praktis 73
- B Pidato 78
  - Nota Nota Ekspres 78
  - Praktis 78
- C Ceramah/Syarahan 83
  - Nota Ekspres 83
  - Praktis 83
- D Perbincangan/Pendapat 88
  - Nota Ekspres 88
  - Praktis 88

**PRAKTIS SPM 2** 92

Peta Konsep · Tutorial

**SISTEM DAN APLIKASI BAHASA** 92
- Nota Ekspres 92
- Morfologi 93
  - Nota Ekspres 93
  - Praktis 93
- Sintaksis 95
  - Nota Ekspres 95
  - Praktis 95
- Penyuntingan 97
  - Nota Ekspres 97
  - Praktis 97
- Bahasa Melayu Standard 100
  - Nota Ekspres 100
  - Praktis 101
- Peribahasa 103
  - Nota Ekspres 103
  - Praktis 103

**PRAKTIS SPM 3** 105

Peta Konsep · POT Enrolment key · Tutorial

**PEMAHAMAN** 105
- Petikan Umum 106
  - Nota Ekspres 106
  - Praktis 106
- Petikan Sastera 113
  - Nota Ekspres 113
  - Praktis 114
- Novel 123
  - Nota Ekspres 123
  - Praktis 123

**PRAKTIS SPM 4** 129

Peta Konsep · Tutorial

**RUMUSAN** 129
- Nota Ekspres 129
- Praktis 130

**PRAKTIS SPM 5** 138

Peta Konsep · Audio

**LISAN** 138
- Lisan Bertutur 138
  - Nota Ekspres 138
  - Praktis 138
    - Bahagian A Individu 139
    - Bahagian B Kumpulan 151
- Lisan Mendengar 154
  - Nota Ekspres 154
  - Praktis 155


## KERTAS MODEL SPM

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT5/KertasModelSPM.pdf

## JAWAPAN

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT5/Jawapan.pdf

## NOTA GRAFIK KOMSAS

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT5/NGKOMSAS.pdf

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# REKOD PENTAKSIRAN MURID

## BAHASA MELAYU Tingkatan 5

*Nama:* ........................................................................................................................ *Tingkatan:* ..........................................

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **1** ANDA BERSIH, ANDA SIHAT | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.1** Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul. | 1 | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. | 2 | |
| | **Menulis** | **3.1.1** Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks. | 3 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.1** Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional. | 4 | |
| **2** SUKAN DAN REKREASI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.2** Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul. | 5 | |
| | **Membaca** | **2.1.2** Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | 6 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.1** Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | 7 | |
| **3** KERJAYA MENITI JAYA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.2.1** Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat. | 8 | |
| | **Membaca** | **2.2.1** Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan. | 9 | |
| | **Menulis** | **3.3.1** Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan. | 10 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.2** Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional. | 11 | |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **4** BERSATU KITA TEGUH | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.1** | Mendengar dan menghubungkaitkan maklumat daripada pengetahuan sedia ada dengan fakta baharu secara betul, tepat dan bermakna. | 12 | |
| | **Menulis** | **3.4.1** | Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang. | 13 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.2** | Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | 14 | |
| **5** PENDIDIKAN UNTUK SEMUA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.2** | Mendengar dan menjana idea baharu daripada maklumat yang diperoleh dengan betul dan bermakna. | 15 | |
| | **Membaca** | **2.3.2** | Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 16 | |
| | **Menulis** | **3.4.2** | Menulis untuk menghuraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis. | 17 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.2.1** | Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks. | 18 | |
| **6** SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.1** | Memberikan maklum balas yang berbentuk idea baharu dalam perbualan secara bertatasusila. | 19 | |
| | **Membaca** | **2.3.3** | Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 20 | |
| | **Menulis** | **3.4.3** | Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya. | 21 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.3** | Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | 22 | |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **7** PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN | Mendengar dan Bertutur | **1.4.2** Berbahas tentang sesuatu perkara dengan mengemukakan fakta yang logik dan relevan secara bertatasusila. | 23 | |
| | Membaca | **2.3.4** Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 24 | |
| | Aspek Seni Bahasa | **4.3.1** Menghasilkan skrip drama dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik. | 25 | |
| **8** MELANCONG MENCARI MAKNA | Membaca | **2.3.5** Membaca untuk merumus pandangan daripada penulis yang berbeza tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 26 | |
| | Aspek Tatabahasa | **5.2.1** Memahami dan menggunakan golongan kata dalam pelbagai laras dengan betul mengikut konteks. | 27 | |
| **9** EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN | Mendengar dan Bertutur | **1.5.2** Bersoal jawab dalam pelbagai situasi untuk mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kebolehpasaran diri secara bertatasusila. | 28 | |
| | Membaca | **2.4.1** Membaca pelbagai bahan ilmiah untuk membuat refleksi bagi meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. | 29 | |
| | Menulis | **3.5.1** Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai. | 30 | |
| | Aspek Seni Bahasa | **4.3.2** Menghasilkan gurindam secara tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah. | 31 | |
| **10** ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU | Mendengar dan Bertutur | **1.6.1** Mempersembahkan idea dan maklumat dalam pelbagai situasi dengan betul, tepat dan jelas serta menggunakan intonasi yang sesuai secara kreatif dan bertatasusila. | 32 | |
| | Menulis | **3.2.1** Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis. | 33 | |
| | Aspek Tatabahasa | **5.3.3** Memahami dan menggunakan ayat majmuk yang betul mengikut konteks. | 34 | |
| **11** DUNIA SELAMAT MILIK KITA | Mendengar dan Bertutur | **1.7.1** Berbincang tentang sesuatu perkara untuk menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila. | 35 | |
| | Membaca | **2.1.2** Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | 36 | |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **12** KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.2** Berunding secara kritis untuk membuat keputusan dengan membe rikan justifikasi tentang sesuatu perkara secara bertatasusila. | 37 | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. | 38 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.1** Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | 39 | |
| **13** JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK | **Mendengar dan Bertutur** | **1.8.1** Merumus dan mengulas isu semasa secara kritis dan bernas dengan menggunakan ayat yang gramatis. | 40 | |
| | **Membaca** | **2.3.1** Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 41 | |
| **14** CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.8.2** Merumus dan menilai kekuatan dan kelemahan karya secara kritis dengan menggunakan ayat yang gramatis. | 42 | |
| | **Membaca** | **2.3.3** Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 43 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.2** Memahami dan menggunakan ayat terbitan dengan betul mengikut konteks. | 44 | |
| **15** INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG | **Membaca** | **2.3.4** Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | 45 | |
| | **Menulis** | **3.5.2** Menulis untuk mengolah dan menghubung kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | 46 | |
| **16** INTEGRITI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.1** Bersoal jawab menggunakan soalan terbuka untuk meneroka dan mengetahui sesuatu perkara secara bertatasusila. | 47 | |
| | **Membaca** | **2.4.1** Membaca pelbagai bahan ilmiah untuk membuat refleksi bagi meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. | 48 | |
| | **Menulis** | **3.6.1** Memurnikan kesalahan bahasa dan menganalisis kejituan serta kesinambungan idea dalam pelbagai teks. | 49 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.4** Memahami dan menggunakan ragam ayat yang betul mengikut konteks. | 50 | |


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Anda Bersih, Anda Sihat

*Buku Teks: m.s. 2 – 14*

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

**Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan bahan grafik dengan perkataan yang sesuai. Seterusnya, kenal pasti dan padankan perkataan dengan maknanya yang betul.** SP 1.1.1

TRACK 1

### CACAR MONYET

1 Penularan penyakit cacar monyet berlaku melalui ___sentuhan___ kulit ke kulit antara individu yang bergejala dengan kontak rapat selain sentuhan pada objek seperti tuala dan pakaian yang tercemar.

2 Antara ___gejala___ jangkitan cacar monyet ialah ruam dengan ___lepuh___ pada muka, tangan, kaki, badan, mata, mulut, atau alat kelamin.

3 Selain itu, pesakit mengalami demam dan sakit kepala yang teruk. Gejala lain ialah sakit otot dan belakang badan, ___bengkak___ kelenjar limfa, dan keletihan.

4 Individu yang menjadi kontak rapat kepada kes cacar monyet hendaklah ___memantau___ gejala penyakit tersebut dan mengelakkan kontak rapat dengan orang lain. Individu tersebut juga hendaklah mendapatkan ___rawatan___ segera jika bergejala.

| | |
|---|---|
| bengkak | kulit menggelembung berisi air |
| lepuh | hasil memelihara/menyelenggara orang sakit |
| rawatan | senggolan/singgungan |
| sentuhan | benjol pada tubuh |
| gejala | memerhatikan dan memeriksa |
| memantau | tanda-tanda akan terjadinya sesuatu |

***Pendidikan Sivik : Nilai Kegembiraan***

- Murid mengekspresikan kegembiraan diri kerana memiliki tubuh badan yang sihat.
- Murid menyatakan kelebihan apabila memiliki tubuh badan yang sihat.

INFO

Wabak Cacar Monyet

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MEMBACA

TP

**Baca bahan-bahan bacaan di bawah dengan intonasi dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.** SP 2.1.1

### Petikan – Dasar Kebersihan Negara

Falsafah Dasar Kebersihan Negara yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mulai tahun 2020 adalah mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampan, dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti, dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar. Pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara ini memberi fokus kepada lima kluster, iaitu kesedaran terhadap kebersihan, kelestarian alam sekitar, ekonomi kitaran, tadbir urus dan penguatkuasaan, serta modal insan yang berkualiti dan berkemahiran.

Sumber: *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

### Sajak – Alam telah Betul

Salam sejahtera kebersihan
Salam untuk akal yang mengawal
Salam untuk sikap dan kerajinan
Sejahtera pohon-pohon yang tersusun
Di sini bersih bertempat
Kasih meningkat

Salam untuk kekotoran
Aku tahu bukan mahumu
Memeritkan hidungku
Menyeksa mataku
Kau seperti juga lawanmu
Memiliki tempat
Tapi manusia di sini alpa
Membiarkan kau merata
Salam untukmu kekotoran
Kau bukanlah penanggung kesalahan

Alam telah betul!
Mengimbangkan kebersihan dengan kekotoran

Dipetik daripada sajak *Alam Telah Betul* oleh Rahman Shaari

### GLOSARI

- **nat** – pekan harian; pekan sehari (loghat utara)
- **tampoi** – sejenis tumbuhan/pokok
- **sepoi** – silir-semilir

### Berita – Nat, Pasar Malam, dan Pasar Tani Perlis Menghasilkan 1129 Tan Sampah

KANGAR, 16 Mac – Sebanyak 1129.4 tan kutipan sisa buangan daripada **nat**, pasar malam, dan pasar tani direkodkan sepanjang tahun lalu di negeri ini.

Jumlah itu merangkumi purata 94.2 tan sisa buangan daripada tapak buangan dalam tempoh sebulan manakala purata untuk satu lokasi pasar kecil adalah 8.56 tan kutipan sampah sebulan.

Menurut rekod, terdapat sebanyak 27 lokasi perniagaan pasar kecil merangkumi 15 nat atau pasar pagi, lapan pasar malam, dan empat pasar tani yang dibuka di seluruh negeri itu. Oleh itu, Menteri Besar Perlis, Mohd. Shukri Ramli menggesa semua pihak termasuk peniaga nat atau pasar pagi menjaga kebersihan kerana kawasan tersebut ialah lokasi popular yang menjadi tumpuan masyarakat setempat dan pelancong dari luar.

Dipetik dan diubah suai daripada *Kosmo Online*, 17 Mac 2023

### Pantun – Sejuta Pantun

Buah mangga di tepi pagar,
Dibawa dari bandar Temerloh;
Melaka indah, bersih, dan segar,
Negeri maju pada dua puluh sepuluh.

Bersama rakan ke Pasir Putih,
Untuk mencari buah **tampoi**;
Tanjung Bidara pantainya bersih,
Nyaman ditiup angin **sepoi**.

(Sumber: *www.malaycivilization.ukm.my*)

### Jadual Pemarkahan (Tandakan ( ✓ ) pada kotak markah yang sesuai)

| Teks | 1 | 2 | 3 |
|---|---|---|---|
| Petikan | | | |
| Berita | | | |
| Sajak | | | |
| Pantun | | | |

1. Intonasi dan nada yang kurang memuaskan
2. Intonasi dan nada yang betul dan memuaskan
3. Intonasi dan nada yang baik, jelas, dan menunjukkan ragam perasaan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MENULIS

TP

**Berdasarkan petikan di bawah, jelaskan maksud perkataan ayat yang bercetak tebal dengan betulnya mengikut konteks.** SP 3.1.1

Hadirin sekalian,

Bersukan merupakan aktiviti riadah yang mudah dilakukan. Antaranya adalah seperti bersenam, berjoging, berbasikal, berenang, dan sebagainya. Malahan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Dasar Satu Murid Satu Sukan untuk menggalakkan murid-murid sentiasa melibatkan diri dengan aktiviti sukan. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak faedah yang diperoleh melalui aktiviti sukan.

Satu daripada faedah bersukan ialah murid dapat menyihatkan tubuh. Apabila seseorang murid giat bersukan di sekolah seperti bermain bola sepak atau badminton, badannya akan mengeluarkan peluh. Aktiviti ini dapat membakar lemak dalam tubuhnya. Kesannya, badannya menjadi sihat dan cergas serta tidak berasa lesu ketika belajar di dalam kelas. Malahan, dengan fizikal yang cergas, murid itu mampu mengemukakan fikiran yang bernas. **Sesungguhnya, otak yang cerdas ada pada badan yang sihat**.

Seterusnya, melalui aktiviti sukan, seseorang murid dapat merapatkan hubungan dengan rakan-rakan lain. Sebagai contoh, semasa bermain bola sepak di sekolah, murid-murid akan bermain dalam satu pasukan. **Setiap ahli pasukan berusaha dan bekerjasama untuk mencipta kemenangan**. Oleh hal yang demikian, hubungan dapat dieratkan dan perpaduan antara kaum juga dapat dipupuk.

Selain itu, bersukan dapat mengisi masa lapang seseorang murid dengan aktiviti yang bermanfaat. Sesi latihan sukan atau permainan biasanya dijalankan selepas waktu persekolahan atau pada cuti hujung minggu. **Kesibukannya mengikuti latihan sukan ini dapat menghindarkan dirinya daripada terjebak dengan gejala sosial seperti melepak dan berpelesiran**.

**Konklusinya, murid yang aktif dalam bidang sukan biasanya menjadi ayam tambatan pihak sekolah untuk menyertai apa-apa pertandingan berkaitan**. Apabila berjaya memenangi sesuatu kejohanan sukan, maka dia telah berjaya mengharumkan nama sekolah.

Sekian, terima kasih.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Ayat dalam Petikan | Maksud Ayat |
|---|---|
| **1.** Sesungguhnya, otak yang cerdas ada pada badan yang sihat. | Bahawasanya, seseorang yang sihat mampu mengemukakan fikiran yang berisi. |
| **2.** Setiap ahli pasukan berusaha dan bekerjasama untuk mencipta kemenangan. | Tiap-tiap anggota kumpulan bekerja dengan giatnya dan bersama-sama untuk menghasilkan kejayaan. |
| **3.** Kesibukannya mengikuti latihan sukan ini dapat menghindarkan dirinya daripada terjebak dengan gejala sosial seperti melepak dan berpelesiran. | Keadaannya yang sibuk dengan aktiviti sukan mampu mengelakkan dirinya daripada tercebur dalam perlakuan negatif, contohnya berbuat sesuatu yang tidak mendatangkan faedah dan berseronok-seronok. |
| **4.** Konklusinya, murid yang aktif dalam bidang sukan biasanya menjadi ayam tambatan pihak sekolah untuk menyertai apa-apa pertandingan berkaitan. | Kesimpulannya, murid yang bergiat cergas dalam lapangan sukan lazimnya menjadi orang harapan pihak sekolah untuk mengambil bahagian dalam sesuatu perlawanan yang berkenaan. |



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## ASPEK SENI BAHASA

**Baca petikan prosa tradisional dan prosa moden di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.** SP 4.1.1

**Bahan 1**

### Teks Prosa Tradisional

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, "Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tumpurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mencerca hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?"

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, "Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada', antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 2**

### Teks Prosa Moden

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangannya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Seperti biasa, kami dijemput sama. Di majlis itulah, seorang daripada kami secara tidak sengaja terdengar perbualan Ahmad Mutawakkil dengan anak gadis Orang Putih itu.

"Kalau bukan awak yang ajar saya menulis dan membaca," kata Ahmad Mutawakkil, "tak mungkin saya jadi wartawan. Saya sangat terhutang budi."

Gadis itu tersenyum, menjawab dalam bahasa Melayu yang fasih. "Dari dulu, saya tau awak bijak ... tapi saya tak sangka, awak akan sehebat ini."

Ahmad Mutawakkil terdiam, memandang tepat wajah gadis itu.

"Pujian ini terlalu besar. Selagi Tanah Melayu belum merdeka, saya tidak layak menerima apa-apa pujian, Sandra."

Dipetik daripada 'Cinta Ahmad Mutawakkil', antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Nyatakan perwatakan Tun Perak dan Ahmad Mutawakkil berdasarkan kedua-dua petikan di atas.
   Perwatakan Tun Perak dan Ahmad Mutawakkil adalah bijak. Tun Perak bijak menjawab persoalan Seri Amerta manakala Ahamad Mutawakkil bijak menulis dan membaca, hasil tunjuk ajar Sandra.

2. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, mengapakah seseorang pemimpin perlu bijak dan mempunyai sikap berani?
   Seseorang pemimpin perlu bijak untuk membuat keputusan yang rasional dalam situasi yang getir. Selain itu, seseorang pemimpin perlu mempunyai sikap berani untuk berkorban nyawa dan tenaga demi memerdekakan negara.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# TEMA 2

MODUL PBD

# Sukan dan Rekreasi

*Buku Teks: m.s. 15 – 27*

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

TRACK 2

**Dengar petikan dengan telitinya dan fahami maklumat daripada bahan grafik. Kemudian, tuturkan maklumat tersebut dalam bentuk komunikasi lisan sama ada taklimat, penerangan, ceramah, atau penceritaan.** SP 1.1.2




Berdasarkan maklumat di atas, hasilkan sebuah pembentangan menggunakan kaedah komunikasi lisan mengikut jenis komunikasi pilihan anda. Pembentangan lisan perlu dilakukan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pembentangan hendaklah tidak melebihi lima minit.

| Sila tandakan ( ✓ ) pada jenis komunikasi pilihan anda | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Taklimat | | Penerangan | | Ceramah | | Penceritaan | |



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MEMBACA

TP

**Baca bahan-bahan di bawah dengan intonasi dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.**

SP 2.1.2

### Badminton Menyatukan Rakyat Malaysia

Jutaan rakyat Malaysia bersorak kegirangan kerana meraikan kejayaan pemain badminton perseorangan lelaki profesional, Lee Zii Jia merangkul pingat gangsa dalam kejohanan Sukan Olimpik 2024 di Paris tatkala beliau menunjukkan isyarat senyap di bibirnya usai menumpaskan wakil dari India, Lakshya Sen.

Rakyat baik di Porte de La Chapelle Arena di Paris mahupun di restoran sehinggalah di pusat beli-belah di negara ini teruja dengan detik manis yang bukan sahaja dilakar oleh Lee Zii Jia, bahkan juga pasangan beregu lelaki negara, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik yang turut menyumbang gangsa dalam kejohanan antarabangsa itu.

Tanpa mengira bangsa, warna kulit, dan agama, terdapat penyokong kaum selain Melayu yang sanggup ke Paris dengan mengenakan tanjak dan dihiasi dengan bendera serta warna Jalur Gemilang bagi memeriahkan suasana di gelanggang badminton tersebut.

Keunikan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dalam memberi sokongan padu kepada pemain badminton negara itu membuktikan elemen perpaduan wujud dalam masyarakat berbilang kaum.

Dipetik dan diubah suai daripada *Sinar Harian*, 8 Ogos 2024

### Sajak – Semakin Laju Semakin Pantas

Laungan semboyan telah didendangkan
Bergema menyelubungi arena pertarungan
Laungan Negaraku sudah berkumandang
Keringat dan nafas sediaku korbankan.

Segala suara jeritan mula menghilang
Hanya nafas dan jantungku saja kedengaran
Semua kelibat hilang tidak kelihatan
Hanya kelipan bintang menjadi tumpuan.

Segala denyutan nadi
dan keringat kukerahkan
semua kesakitan aku sembunyikan
walaupun aku jatuh berdarah
tetap aku bangkit dan terus melangkah
semakin laju semakin pantas
akhirnya titik hitam menjadi cerah.

Aku terpaku diselubungi sinaran
suara kelibat sorakan mula kedengaran
badan terasa melayang terawang-awang
menjadi tanda keramat
bintang yang aku impikan
sudah menjadi kenyataan.

**Nur Hidayah Isa**
Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Jadual Pemarkahan (Tandakan (✓) pada kotak markah yang sesuai)**

| Kriteria | Sebutan | Kejelasan | Intonasi | Kelancaran |
|---|---|---|---|---|
| Petikan Prosa | | | | |
| Petikan Puisi | | | | |

1. Intonasi dan nada yang kurang memuaskan
2. Intonasi dan nada yang betul dan memuaskan
3. Intonasi dan nada yang baik, jelas, dan menunjukkan ragam perasaan

## ASPEK TATABAHASA

**Baca petikan-petikan di bawah yang mengandungi kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gariskan bentuk kata majmuk yang terdapat dalam petikan-petikan tersebut.** SP 5.1.1

### Laras bahasa umum

Rekod sejarah menunjukkan bahawa permainan hoki mula diperkenalkan pada abad ke-15. Orang Mesir, Romania, Athens, Australia, dan Eropah dikenal pasti telah bermain satu permainan dengan menggunakan kayu yang melengkung untuk memukul bola. Asal perkataan hoki berkemungkinan telah wujud daripada perkataan Anglo-Saxon, iaitu *hook*, *hok*, atau perkataan Perancis, iaitu *hocquet*.

### Laras bahasa teknikal

Pertandingan hoki dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Peraturan Hoki Antarabangsa dan Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM). Jika selepas bermain separuh masa, iaitu 25 minit bagi kategori B18 tahun dan ke bawah dan 20 minit bagi kategori B12 dan ke bawah, permainan diberhentikan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan atau padang yang tidak sesuai, maka permainan itu dianggap telah tamat tempoh permainannya dan kedudukan jaringan pada masa itu akan diambil kira.

### Laras bahasa agama

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah memberikan rukhsah secara panjang lebar kepada atlet yang terpaksa menepati piawai pemakaian yang tidak menutup aurat secara sempurnanya. Rukhsah itu juga terpakai kepada penonton acara sukan tersebut kerana kaum Muslimin mestilah berusaha sedaya upaya untuk mengamalkan tuntutan agama supaya menutup aurat.

### Laras bahasa iklan

**Kejohanan Hoki Piala Dato' Orang Besar Daerah Klang**

* Tarikh pertandingan pada 21 hingga 23 Jun 2024.
* Penyertaan terhad kepada 45 pasukan lelaki dan 45 pasukan perempuan (bawah 12 tahun) sahaja dan sihat akal.
* Borang pendaftaran perlulah mempunyai tandatangan penjaga atau ibu bapa.
* Jadual atur cara akan dimaklumkan oleh urus setia pertandingan melalui e-mel.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Defini Istilah
P+ NOTA VISUAL

# JOM ULANG KAJI

**A** *Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan* **empat kata majmuk**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata majmuk** *tersebut untuk menunjukkan bahawa faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sistem pendidikan negara merupakan satu kaedah untuk menyuburkan semangat perpaduan kaum dan membolehkan murid-murid berinteraksi sesama mereka. Setiap mata pelajaran yang diajarkan di sekolah juga harus menitikberatkan aspek pendidikan yang harmoni. Jawatankuasa yang ditubuhkan sewaktu merangka Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib jelas menekankan bahawa aspek kurikulum sangat penting dalam memupuk nilai perpaduan kaum. Barangkali, perubahan masa dan keghairahan mengejar kemodenan pendidikan menyebabkan warga pendidik terleka. Penerapan nilai perpaduan kadangkala diabaikan untuk diterapkan kepada murid. Implikasinya, wujud perbezaan tahap intelektual yang telah mengambil alih kepentingan penerapan nilai sahsiah sehingga ramai murid yang hilang jati diri dan identiti bangsa. Akhirnya, agenda perpaduan menjadi sensitif seperti bom jangka yang dapat meledak bila-bila masa.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(i)

| Kata majmuk | Ayat |
|---|---|
| mata pelajaran | Cikgu Abdul Salam mengajar kami mata pelajaran Sejarah. |

(ii)

| Kata majmuk | Ayat |
|---|---|
| jawatankuasa | Jawatankuasa Persatuan Sejarah bersetuju untuk menganjurkan lawatan ke Muzium Perak pada cuti sekolah yang akan datang. |

(iii)

| Kata majmuk | Ayat |
|---|---|
| barangkali | Barangkali dia belum mengetahui berita tentang kemalangan yang menimpa abangnya sebentar tadi. |

(iv)

| Kata majmuk | Ayat |
|---|---|
| bom jangka | Ledakan bom jangka itu telah menyebabkan kehancuran dan kerosakan terhadap benda hidup dan benda mati di sekitarnya. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**B** *Bahan-bahan di bawah mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

**Bahan 1**

Thaipusam merupakan perayaan penganut agama hindu di seluruh dunia bagi menghormati Dewa Murugan. Thaipusam di sambut pada bulan ke 10 dalam kelender Tamil. Kemeriahan sambutan perayaan tersebut, khususnya di Batu Caves menyaksikan lautan penganut Hindu dan pelancong membanjirkan Kuil Sri Subramaniam sejak pukul 6:00 pagi untuk menyambut Thaipusam. Puluhan ribu penganut agama Hindu menyempurnakan nazar masing-masing dengan membawa *palkudam* dan kavadi, selain memecahkan kelapa serta mencukur rambut sebagai penebat dosa.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Lensa Warna-warni Thaipusam 2024' oleh Mohamad Adib Zulkifli, *Dewan Budaya*, 26 Januari 2024

**Bahan 2**

Pesta Regatta Lepa adalah acara tradisional tahunan yang menjadi identity dan pantulan budaya, khususnya bagi masyarakat Bajau di Semporna, Sabah. Pesta ini mula diperkenalkan pada tahun 1994. Pesta ini dilaksanakan selama ketiga hari berturut-turut pada setiap tahun. Pesta Regatta Lepa kekal sebagai pesta warisan yang unggul di Malaysia dan teramat berpotensi untuk diketengahkan pada peringkat antarabangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pesta Regatta Lepa Citra Masyarakat Bajau' oleh Noramisah Abdul Asri, *Dewan Budaya*, 20 November 2023

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Bahan 1**

| Bil | Kesalahan bahasa | Pembetulan kesalahan bahasa |
|---|---|---|
| (i) | hindu | Hindu |
| (ii) | di sambut | disambut |
| (iii) | ke 10 | ke-10 |
| (iv) | kelender | kalendar |
| (v) | membanjirkan | membanjiri |
| (vi) | penebat | penebus |

**Bahan 2**

| Bil | Kesalahan bahasa | Pembetulan kesalahan bahasa |
|---|---|---|
| (i) | adalah | ialah |
| (ii) | identity | identiti |
| (iii) | pantulan | cerminan |
| (iv) | ketiga | tiga |
| (v) | teramat | amat |

# MODUL SPM


| BAHAGIAN | SKOP | HALAMAN |
|---|---|---|
| PENULISAN | Karangan Respons Terhad | 54 |
| | Karangan Respons Terbuka | 66 |
| SISTEM DAN APLIKASI BAHASA | Morfologi | 93 |
| | Sintaksis | 95 |
| | Penyuntingan | 97 |
| | Bahasa Melayu Standard | 100 |
| | Peribahasa | 103 |
| PEMAHAMAN | Pemahaman Petikan Umum | 106 |
| | Pemahaman Petikan Sastera | 113 |
| | Novel | 123 |
| RUMUSAN | | 129 |
| LISAN | Lisan Bertutur | 138 |
| | Lisan Mendengar | 154 |


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

*Jangan lupa Pelangi Online Test (POT) untuk latihan ekstra!*

POT

**https://qr.pelangibooks.com/?u= POTBM5**

**Enrolment key:** T*3zm7^N



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PENULISAN

TUTORIAL

Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

## Karangan Respons Terhad



### NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/1 Bahagian A**

- Wajib menjawab satu soalan berdasarkan kepelbagaian bahan rangsangan yang diberikan
- Masa yang dicadangkan : 30 minit
- Panjang karangan antara 150 hingga 200 patah perkataan
- Markah : 30 markah

| **Bahan Rangsangan** | |
|---|---|
| • Puisi | • Poster |
| • Petikan | • Catatan |
| • Gambar | • Ilustrasi kartun |
| • Gambar rajah | • E-mel |
| • Iklan | • Jadual |

**Tema / Isu**

| | | |
|---|---|---|
| • Kesihatan dan Kebersihan<br>• Keselamatan<br>• Perpaduan<br>• Kebudayaan, Kesenian dan Estetika<br>• Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan<br>• Sains, Teknologi dan Inovasi | • Alam Sekitar dan Teknologi Hijau<br>• Pertanian, Penternakan dan Perikanan<br>• Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan<br>• Pelancongan<br>• Sejarah dan Warisan | • Sukan dan Rekreasi<br>• Perindustrian<br>• Pendidikan<br>• Bahasa dan Kesusasteraan<br>• Kerjaya<br>• Integriti<br>• Pentadbiran dan Politik |

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Murid hendaklah membaca arahan soalan yang diberikan dengan telitinya. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada petikan soalan.
2. Fahami tajuk dan bahan rangsangan yang berikan dalam soalan berkenaan.
3. Kemudian, analisis bahan-bahan tersebut secara kritis dengan mengolah bahan rangsangan bagi mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan tema soalan.
4. Jangan salin kesemua perkataan yang terdapat dalam bahan rangsangan. Analisis dan hasilkan olahan sendiri yang bersesuaian dengan maklumat penting yang hendak disampaikan dalam bahan berkenaan.
5. Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentuh maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
6. Murid yang tidak menggunakan kesemua bahan rangsangan, tidak akan memperoleh markah cemerlang kecuali melibatkan bahan rangsangan berbentuk pilihan karangan jenis resume.
7. Murid digalakkan untuk menghasilkan rangka terlebih dahulu sebelum memulakan penulisan.
8. Cadangan rangka dan jumlah perkataan bagi karangan bahan rangsangan adalah seperti yang berikut.

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 1 | Pendahuluan | 40 |
| Perenggan 2 | Isi 1 | 50 – 60 |
| Perenggan 3 | Isi 2 | 50 – 60 |
| Perenggan 4 | Penutup | 40 |

9. Perenggan pendahuluan mengandungi isu yang disampaikan secara umum (dengan menganalisis bahan rangsangan).
10. Murid dicadangkan untuk mengolah isi dengan memberikan ayat topik, huraian, contoh, dan penegasan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.
11. Perenggan penutup harus mengandungi rumusan yang berkaitan dengan tema yang diberikan. Cadangan penutup terdiri daripada pihak yang terlibat, ayat cadangan, dan harapan.
12. Selepas selesai menulis, murid digalakkan untuk mengira dan menulis jumlah perkataan. Murid perlu akur akan ketetapan bilangan patah perkataan, iaitu tidak melebihi 120 patah perkataan.

**Kesalahan Lazim**

1. Murid biasanya menulis melebihi 200 patah perkataan, dan tidak akur akan arahan soalan. Kegagalan ini menyebabkan perkataan yang telah melebihi jumlah yang ditetapkan, tidak dibaca dan diterima oleh pemeriksa.
2. Murid tidak mengaitkan bahan rangsangan dengan kehendak tema. Perkara ini menyebabkan murid tidak dapat menghuraikan isi dengan baik serta tiada kesinambungan dan koheren antara isi 1 dengan isi 2.
3. Murid biasanya akan memberikan tiga isi kerana terpengaruh dengan jumlah bahan rangsangan yang diberikan. Murid perlu bijak menggabungkan dua isi yang sama maksud menjadi satu isi bagi memaksimumkan penggunaan bahan.
4. Murid tidak mampu membezakan ayat contoh dan ayat huraian. Hal ini menyebabkan berlaku pertindihan atau pengulangan maksud ayat yang ditulis.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## MODEL KARANGAN RESPONS TERHAD

*Maklumat di bawah berkaitan dengan sektor pertanian di Malaysia.*
*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan* **pendapat** *anda tentang* **sektor pertanian**.
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**Teknologi, inovasi lonjak pertanian**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan komited bantu tambah produktiviti petani dan penternak.




Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan terus menyuntik pembiayaan, selain dapat dijadikan modal pusingan untuk peladang, petani dan nelayan memulakan aktiviti masing-masing melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk industri pertanian dan makanan. Terdapat tiga bantuan khusus yang diperuntukkan dalam sektor itu, iaitu peruntukan berjumlah RM350 juta menerusi Skim Pembiayaan Mikrokredit kepada usahawan mikro terutama pengusaha agromakanan kategori B40 yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

Sumber: *Utusan Malaysia*, 30 Jun 2023

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### Langkah 1: Analisis Bahan Rangsangan

**Strategi menggunakan bahan:**

- Murid dikehendaki menghasilkan dua perenggan isi daripada setiap bahan. Perkara ini boleh dilakukan dengan cara **menggabungkan dua bahan menjadi satu atau dengan cara kedua, memilih dua bahan daripada tiga bahan berkenaan**.
- Cadangan penulisan yang digalakkan adalah seperti yang berikut:
  Perenggan isi 1
  – Gabungkan maksud bahan 1 (Teknologi, inovasi lonjak pertanian) + bahan 2 (Komuniti petani disaran pertingkatkan ilmu pengetahuan)
    = Petani perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam teknologi dan inovasi pertanian
  Perenggan isi 2
  – Bahan 3 (Bakal petani akan diberikan bantuan modal permulaan oleh kerajaan)

**Mengolah bahan:**
- Daripada bahan rangsangan berkenaan, hasilkan kata kunci yang mewakili kehendak soalan.
- Contoh kata kunci: langkah-langkah untuk meningkatkan industri pertanian negara

## Langkah 2: Membina Pendahuluan

**Ayat rangsangan:**
Kaedah menjana ayat rangsangan
- Kaedah 1 (**menggunakan peribahasa / kiasan / kata tokoh / pantun**)
  Contoh: **Berbudi pada tanah, tanah tak tipu** menjelaskan bahawa generasi hari ini perlu meningkatkan usaha memajukan industri pertanian negara.
- Kaedah 2 (**media massa / akhbar / kajian / laporan / statistik / fakta**)
  Contoh: **Laporan yang dikeluarkan oleh** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjelaskan bahawa hasil pengeluaran pertanian negara masih rendah.

**Ayat huraian:**
- Huraikan **kesan isu** tersebut. Kesan merujuk akibat atau impak sesuatu perkara sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Kesan yang dinyatakan bersifat generalisasi atau umum.
  Contoh: Hasil pertanian yang berkurangan menyebabkan kerajaan **terpaksa mengimport hasil** ini dari luar.

**Jawapan (Gabungkan ayat):**
- Murid digalakkan untuk membina **tiga** ayat dalam pembinaan pendahuluan bagi mengoptimumkan penghasilan bilangan perkataan. **(Ayat rangsangan)** Laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjelaskan bahawa hasil pengeluaran pertanian negara masih rendah. **(Ayat huraian)** Hasil pertanian yang berkurangan menyebabkan kerajaan terpaksa mengimport hasil ini dari luar. **(Ayat arahan)** Terdapat **langkah-langkah** untuk meningkatkan industri pertanian negara.

## Langkah 3: Membina Isi

**Topik 1:**
Petani perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam teknologi dan inovasi pertanian.

**Huraian:**
Jumlah hasil pertanian bergantung pada kemajuan teknologi dan inovasi yang digunakan oleh sesebuah negara. Ilmu pertanian terkini membantu petani meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos penjagaan.

**Contoh:**
Contohnya, penggunaan teknologi yang terkini membolehkan padi ditanam sebanyak tiga kali setahun di Jepun berbanding negara lain.

**Penegasan:**
Jelaslah bahawa ilmu pengetahuan dalam pertanian mampu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian negara.

**Jawapan (Gabungkan ayat):**
Jumlah hasil pertanian bergantung pada kemajuan teknologi dan inovasi yang digunakan oleh sesebuah negara. Ilmu pertanian terkini membantu petani meningkatkan produktiviti dan

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

mengurangkan kos penjagaan. Contohnya, penggunaan teknologi yang terkini membolehkan padi ditanam sebanyak tiga kali setahun di Jepun berbanding negara lain. Jelaslah bahawa ilmu pengetahuan dalam pertanian mampu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian negara.

**Topik 2:**
Selain itu, bakal petani perlu diberikan bantuan modal oleh kerajaan.

**Huraian:**
Bantuan modal ini membolehkan golongan ini membeli peralatan dan mesin canggih yang dapat digunakan bagi meningkatkan hasil pengeluaran berbanding menggunakan peralatan tradisional.

**Contoh:**
Tamsilnya, penggunaan jentera menuai padi mampu meningkatkan hasil dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

**Penegasan:**
Secara izharnya, pemberian bantuan modal kepada golongan petani mampu meningkatkan hasil pertanian.

**Jawapan (Gabungkan ayat):**
Selain itu, bakal petani perlu diberikan bantuan modal oleh kerajaan. Bantuan modal ini membolehkan golongan ini membeli peralatan dan mesin canggih yang dapat digunakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran berbanding menggunakan peralatan tradisional. Tamsilnya, penggunaan jentera menuai padi mampu meningkatkan hasil dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Secara izharnya, pemberian bantuan modal kepada golongan petani mampu meningkatkan hasil pertanian.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### Langkah 4: Membina Penutup

**Pihak yang dikaitkan oleh soalan:**
Kesimpulannya, golongan petani perlu

**Cadangan:**
meningkatkan usaha dan insentif memajukan industri pertanian negara

**Harapan:**
supaya Malaysia mampu menjadi antara pengeluar hasil pertanian yang berkualiti setanding hasil negara maju yang lain

**Jawapan (Gabungkan ayat):**
Kesimpulannya, golongan petani perlu meningkatkan usaha dan insentif memajukan industri pertanian negara supaya Malaysia mampu menjadi antara pengeluar hasil pertanian yang berkualiti setanding hasil negara maju yang lain.

## MODEL *Karangan Lengkap*

Berbudi kepada tanah, tanah tak tipu menjelaskan bahawa generasi hari ini perlu meningkatkan usaha memajukan industri pertanian negara. Hasil pertanian yang berkurangan menyebabkan kerajaan terpaksa mengimport hasil ini. Terdapat beberapa langkah untuk meningkatkan industri pertanian negara.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Petani perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam teknologi dan inovasi pertanian. Jumlah hasil pertanian bergantung pada kemajuan teknologi dan inovasi yang digunakan oleh sesebuah negara. Ilmu pertanian terkini membantu petani meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos penjagaan. Contohnya, penggunaan teknologi yang terkini membolehkan padi ditanam tiga kali setahun di Jepun berbanding negara lain. Jelaslah bahawa ilmu pengetahuan dalam pertanian mampu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian negara.

Selain itu, bakal petani perlu diberikan bantuan modal oleh kerajaan. Bantuan modal ini membolehkan golongan petani membeli peralatan dan mesin canggih yang dapat digunakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran berbanding menggunakan peralatan tradisional. Tamsilnya, penggunaan jentera menuai padi mampu meningkatkan hasil dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Secara izharnya, pemberian bantuan modal kepada petani mampu meningkatkan hasil pertanian.

Kesimpulannya, golongan petani perlu meningkatkan usaha dan insentif memajukan industri pertanian negara supaya Malaysia mampu menjadi antara pengeluar hasil pertanian yang berkualiti setanding hasil negara maju yang lain.

## PRAKTIS 1

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pembuangan sisa domestik di Malaysia.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang* **pembuangan sisa domestik**.

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara* **150 hingga 200 patah perkataan**.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



SELANGOR: Sisa domestik merupakan bahan-bahan buangan dari kawasan perumahan seperti sisa makanan, pakaian, plastik, kertas, barangan terpakai, dan lain-lain. Peningkatan jumlah pembuangan sisa domestik setiap tahun dapat mendatangkan masalah kepada negara jika tidak ditangani secara bijaksana. Oleh yang demikian, amat penting untuk semua pihak mengurangkan pembuangan sisa pepejal demi kelestarian alam sekitar.

Sumber: *www.kosmo.com.my*



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.







**Pendahuluan:**

isu berkaitan dengan peningkatan jumlah pembuangan sisa domestik – polemik yang sudah lama menjadi isu perdebatan – bukan sahaja menyebabkan pencemaran alam sekitar – menjejaskan kesihatan manusia – pihak kerajaan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air sentiasa berusaha untuk menangani isu pembuangan sisa dometik – pelbagai pendekatan yang holistik – lebih efektif – mengatasi masalah ini

**Isi-isi penting:**

Isi 1: penggunaan teknologi terkini memproses sisa buangan – mampu mengurangkan kebergantungan pada jumlah tapak pelupusan sampah – mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar – menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal – mengatasi masalah bau busuk dan lalat – sisa buangan diproses menjadi bahan yang lebih mesra alam

Isi 2: mendidik generasi muda berkaitan dengan kelestarian – antara punca utama ialah masyarakat tidak memiliki kecintaan terhadap alam sekitar – membuang sampah sarap sesuka hati – semua pihak perlu menanamkan sikap cinta akan alam sekitar – memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar daripada peringkat kanak-kanak – membudayakan amalan kitar semula

**Kesimpulan:**

peningkatan sisa domestik dapat diatasi – masyarakat perlu diterapkan dengan budaya kitar semula bagi mengatasi masalah pembuangan sisa domestik yang kian meningkat – menepati usaha Malaysia ke arah sasaran rendah pengeluaran karbon

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# SISTEM DAN APLIKASI BAHASA



## NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/2**
**BAHAGIAN A**

Jawab **semua** soalan.

Peruntukan markah : 35

### Soalan 1: Morfologi

**Bentuk soalan:**
- Menyenaraikan perkataan yang dikehendaki mengikut kehendak soalan
- Membina ayat daripada perkataan yang telah disenaraikan

### Soalan 2: Sintaksis

**Bentuk soalan:**
Boleh terdiri daripada pelbagai bentuk:
- Menentukan subjek dan predikat dalam ayat
- Menentukan pola ayat
- Menukarkan susunan ayat, ragam ayat, serta cakap ajuk dan cakap pindah
- Mengenal pasti jenis ayat
- Membina ayat tanya
- Menggabungkan dan mencerakinkan ayat

### Soalan 3: Penyuntingan

**Bentuk soalan:**
- Membetulkan kesalahan bahasa

### Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

**Bentuk soalan:**
- Menukarkan petikan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu Standard

### Soalan 5: Peribahasa

**Bentuk soalan:**
- Menyatakan peribahasa lain yang sama maksud ataupun yang hampir sama maksud
- Menyatakan peribahasa yang bersesuaian dengan berdasarkan situasi ataupun gambar yang dikemukakan
- Mengisi tempat kosong dengan menggunakan peribahasa yang sesuai
- Memberikan maksud untuk peribahasa yang dinyatakan
- Membina ayat daripada peribahasa yang diberikan

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Morfologi

TUTORIAL
Morfologi

### NOTA EKSPRES

1. Morfologi ialah kajian tentang pembentukan kata dalam sistem bahasa termasuk infleksi, terbitan, dan pemajmukan.
2. Murid perlu mengenal pasti jenis-jenis golongan kata yang disoal dengan tepat, kemudian menyenaraikan perkataan yang berkaitan sebelum membina ayat. Jenis golongan kata yang disoal meliputi beberapa perkataan daripada kata kerja, kata adjektif, kata majmuk, dan sebagainya.
3. Murid perlu membina sama ada **tiga** atau **empat ayat** yang berkaitan dengan golongan kata yang disoal berdasarkan kehendak dan arahan soalan.
4. Murid tidak dibenarkan untuk menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, dan menggunakan perkataan yang dipilih sebagai peribahasa atau nama khas.
5. Ayat yang dibina hendaklah gramatis, iaitu mengandungi subjek dan predikat serta menggunakan tatabahasa yang betul.

**Kesalahan Lazim**

1. Murid membina lebih daripada satu ayat bagi setiap kata yang diuji. Apabila hal ini berlaku, hanya ayat awal akan diperiksa.
2. Murid membina ayat bukan daripada jenis golongan kata atau item yang diuji atau memilih item yang berbeza dengan kehendak soalan. Jika hal ini berlaku, murid tidak mendapat apa-apa markah.
3. Murid menyalin ayat bulat-bulat daripada petikan sebagai jawapan. 0 markah diberikan.
4. Ayat yang dibina tidak menunjukkan pemahaman maksud dan penggunaan perkataan yang diuji. 0 markah diberikan.
5. Murid menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas. 0 markah diberikan.
6. Ayat tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek bahasa. Setengah markah akan ditolak bagi ayat tersebut.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### PRAKTIS 1

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan* **dua kata kerja** *dan* **dua kata adjektif**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata kerja** *dan* **kata adjektif** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Ahli akademik menyifatkan komik mampu membantu pembacanya berfikir dengan lebih bijak dan kreatifnya. Ibu bapa perlu memainkan peranan mereka memantau komik yang dibaca oleh anak-anak agar bersesuaian dengan peringkat usia mereka. Banyak komik yang dijual di negara ini memaparkan nilai-nilai murni dan mesej yang baik kepada pembaca. Namun begitu, dalam soal ini, individu perlu tahu memilih jenis komik yang dapat mendedahkan mereka kepada ilmu pengetahuan yang berguna.

[6 *markah*]

1. membantu – Semasa cuti semester, Hazwan pulang ke kampung untuk **membantu** ibunya menjual makanan di gerai.
2. memantau – Pihak polis sentiasa **memantau** pergerakan kendaeraan di jalan raya dan lebuh raya ketika musim perayaan.
3. bijak – Murid yang **bijak** itu sangat pantas menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh jurukuiz itu.
4. murni – Nilai-nilai **murni** perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia demi menjaga keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum di negara ini

Sistem dan Aplikasi Bahasa
PETA KONSEP

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 2

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan* **tiga kata majmuk***. Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata majmuk** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kawasan bandar merupakan menyumbang utama pembebasan gas karbon dioksida yang menjadi punca utama pencemaran udara. Oleh itu, kewujudan hutan bandar penting bagi mengurangkan masalah ini. Namun demikian, pemilihan pokok yang sesuai perlu diambil kira oleh pihak berkuasa tempatan. Pokok yang ada di sesuatu kawasan bandar dipercayai dapat memberikan sumbangan bukan sahaja di kawasan bandar tersebut, bahkan pada peringkat antarabangsa.

[6 *markah*]

1. hutan bandar – Beratus-ratus pohon pokok ditanam di beberapa kawasan bandar dalam usaha membangunkan **hutan bandar** di Malaysia.
2. diambil kira – Pengalaman seseorang dalam sesuatu bidang berkaitan perlu **diambil kira** sebagai salah satu kriteria pemilihan calon pekerja.
3. antarabangsa – Pasukan badminton Malaysia antara atlet negara yang berjaya dan terkenal pada peringkat **antarbangsa**.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 3

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan* **dua kata nafi** *dan* **dua kata pemeri***. Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata nafi** *dan* **kata pemeri** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Buku-buku yang diterbitkan oleh Penerbitan Pelangi adalah amat berkualiti dan sesuai digunakan oleh para murid. Syarikat penerbitan tersebut bukan penerbit buku baharu di negara ini. Selain menerbitkan buku-buku rujukan yang lengkap dan mudah difahami, syarikat tersebut turut mengeluarkan buku Kertas Model Peperiksaan yang amat bermanfaat kepada calon peperiksaan. Tidak dinafikan bahawa buku-buku keluaran Penerbitan Pelangi menjadi pilihan utama pembaca. Sambutan luar biasa ini terjadi kerana penulisannya amat berkualiti dan penulis-penulis yang terlibat ialah mereka yang pakar dan mahir dalam bidang akademik berfokuskan peperiksaan.

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. bukan – Peminangan tersebut ditolak **bukan** kerana si jejaka itu tidak kacak, tetapi kerana bakal pengantin perempuan mahu melanjutkan pelajaran.
2. tidak – Kami **tidak** sangka bahawa dia pergi meninggalkan kami tanpa apa-apa pesanan.
3. adalah – Perkara yang dibincangkan itu **adalah** sangat penting untuk dilaksanakan segera demi keselamatan kita bersama.
4. ialah – Encik Raju **ialah** pengetua yang berwibawa, oleh sebab itulah beliau amat disegani oleh murid-murid.

## Sintaksis

TUTORIAL

Sintaksis

### NOTA EKSPRES

1. Sintaksis ialah cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruk ayat.
2. Bahagian sintaksis merangkumi pelbagai jenis ayat seperti ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah, subjek dan predikat, ayat bersusunan songsang, dan sebagainya.
3. Murid perlu mengenal pasti dan memahami jenis-jenis ayat yang diuji sebelum menjawab soalan.
4. Murid tidak perlu menyalin jenis ayat yang terdapat dalam petikan semula. Sebaliknya, murid terus menjawab berdasarkan kehendak arahan soalan.
5. Murid tidak dibenarkan mengubah maksud asal jenis ayat yang diuji.
6. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis dan mematuhi tatabahasa.

**Kesalahan Lazim**

1. Ayat yang dibina tidak berkaitan dengan kehendak arahan soalan. 0 markah diberikan.
2. Ayat yang dibina mengubah maksud asal jenis ayat yang diuji. 0 markah diberikan.
3. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek bahasa. Setengah markah akan ditolak bagi ayat tersebut.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### PRAKTIS 1

*Berdasarkan petikan di bawah,* **bina enam ayat tanya** *yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

*Sejak turun-temurun*, coklat telah digunakan dalam *penyediaan pelbagai jenis makanan dan minuman*. Coklat amat digemari oleh *semua lapisan masyarakat* kerana *rasanya sangat sedap*. Pada zaman dahulu hanya orang yang berada dapat menikmati coklat, khususnya gologan bangsawan yang tinggal *di istana*. Kini, coklat yang dihasilkan daripada *buah koko* itu dapat dinikmati oleh semua orang.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PEMAHAMAN



## NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/2 BAHAGIAN B**

**Pemahaman**

### Soalan 6: Petikan Umum

Markah: 12/13

- Dua atau tiga bahan yang mengutarakan tema DSKP yang sama dikemukakan
- Terdapat empat soalan:
  - (i) maksud literal
  - (ii) beza banding semua bahan
  - (iii) kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)/ pemikiran kritis
  - (iv) kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)/ penyelesaian masalah

### Soalan 7: Petikan Sastera

Markah: 12/13

- Dua atau tiga bahan sastera daripada genre yang berbeza tetapi mengutarakan tema DSKP yang sama dikemukakan
- Terdapat empat soalan:
  - (i) maksud literal
  - (ii) beza banding semua bahan
  - (iii) kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)/ pemikiran kritis
  - (iv) kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)/ penyelesaian masalah

### Soalan 8: Novel

Markah: 10

- Dua soalan berdasarkan teks kajian novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dikemukakan
- Terdapat dua soalan:
  - (i) soalan petikan pemahaman berdasarkan petikan novel
  - (ii) soalan berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon

**▷ Tingkatan 4**

1. Jendela Menghadap Jalan – Zon Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak
2. Leftenan Adnan Wira Bangsa – Zon Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Negeri Sembilan
3. Pantai Kasih – Zon Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan
4. Di Sebalik Dinara – Zon Johor, Sabah, Sarawak, dan WP Labuan

**▷ Tingkatan 5**

1. Songket Berbenang Emas – Zon Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak
2. Tirani – Zon Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Negeri Sembilan
3. Bimasakti Menari – Zon Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan
4. Silir Daksina – Zon Johor, Sabah, Sarawak, dan WP Labuan

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Petikan Umum

TUTORIAL

Pemahaman Petikan Umum

### NOTA EKSPRES

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan umum dikemukakan sebagai Soalan 6.
2. Sebanyak 12 atau 13 markah diperuntukkan bagi bahagian ini mengikut pecahan yang berikut:
   (a) Soalan (i) – 2 markah
   (b) Soalan (ii) – 3 / 4 markah
   (c) Soalan (iii) – 3 markah
   (d) Soalan (iv) – 4 markah
3. Dua atau tiga bahan atau petikan yang mengutarakan isu yang sama dikemukakan.
4. Terdapat empat ceraian soalan, iaitu:
   Soalan (i) menanyakan maksud rangkai kata yang terdapat dalam petikan.
   Soalan (ii) meminta anda mengemukakan persamaan dan / atau perbezaan tentang sesuatu aspek berdasarkan bahan-bahan yang diberikan
   Soalan (iii) merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi yang berbentuk pemikiran kritis.
   Soalan (iv) merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.
5. Murid dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan. Sila baca setiap petikan yang diberikan dengan teliti sebelum menjawab soalan-soalan tersebut.
6. Murid hendaklah menulis jawapan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis, iaitu mengandungi subjek dan predikat serta mematuhi tatabahasa yang betul.

**Kesalahan Lazim**

1. Murid menyalin ayat yang terdapat dalam petikan bulat-bulat untuk dijadikan jawapan. Setengah markah isi ditolak.
2. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa. Setengah markah ditolak.
4. Bagi soalan memberikan maksud, murid menulis jawapan dalam bentuk huraian atau penjelasan maksud. 0 markah diberikan.
5. Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas. Setengah markah ditolak.
6. Jika jumlah isi tidak mencukupi dengan markah yang diperuntukkan bagi sesuatu soalan, markah diberi berdasarkan jumlah isi yang betul dan tepat sahaja.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

### PRAKTIS 1

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### Bahan 1

Perpaduan ialah kunci kemakmuran dan kesejahteraan negara. Tanpa perpaduan, negara akan berada dalam keadaan **kucar-kacir** dan masyarakat tidak dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Perpaduan dapat dilahirkan melalui hubungan baik sesama jiran. Jiran yang baik ialah jiran yang berjaya memupuk semangat **toleransi**, saling mempercayai, dan mengamalkan perkongsian pintar sesama mereka. Sekiranya hal ini diabaikan, maka lambat-laun akan tercetuslah bibit-bibit permusuhan yang akhirnya membawa kepada perbalahan dan perpecahan.

Jelaslah kepada kita betapa penting dan besarnya peranan jiran dalam menentukan kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara. Hanya negara yang makmur dan sejahteralah yang akan dapat meneruskan **agenda** pembangunan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Kejiranan, Cara Kekalkan Hubungan Baik', *Utusan Malaysia*, Jun 2015

**GLOSARI**

- **kucar-kacir** – keadaan tidak teratur dan tidak berketentuan; kacau-bilau
- **toleransi** – sikap sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain
- **agenda** – susunan perkara yang dikemukakan untuk dibincangkan dalam mesyuarat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahan 2

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung pada **kemantapan** dan keutuhan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat. Hubungan yang erat antara jiran dalam masyarakat merupakan ciri masyarakat yang berkualiti. Semangat kejiranan dapat memainkan peranan yang amat penting dalam menjana kehidupan setempat yang aman dan harmoni.

Jiran yang berbeza latar belakang pekerjaan, pendidikan, agama, dan budaya akan memberikan manfaat yang besar kepada kita. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka memiliki pengetahuan dan kemahiran yang dapat kita kongsi bersama-sama. Di samping itu, jiran yang sepakat dan bersatu padu mampu *menjamin keselamatan setempat* daripada sebarang ancaman seperti kecurian, penyalahgunaan dadah, dan budaya **samseng**. Segala perkara yang mencemarkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicegah dengan semangat kerjasama dan keprihatinan sesama jiran.

**GLOSARI**
- **kemantapan** – kestabilan
- **samseng** – penjahat

Dipetik dan diubah suai daripada 'Kejiranan, Cara Kekalkan Hubungan Baik', *Utusan Malaysia*, Jun 2015

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menjamin keselamatan setempat*. [2 *markah*]

memastikan tiada sebarang gangguan di sesuatu kawasan

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan faedah hidup berjiran dan perpaduan kepada negara. [3 *markah*]

– menjana kehidupan yang aman/damai
– membina kehidupan yang harmoni/sejahtera
– berkongsi maklumat/kepintaran
– membantu satu sama lain
– membina hubungan yang baik

(iii) Semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat kini dikatakan semakin hari semakin luntur. Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan keadaan ini berlaku? [3 *markah*]

– masyarakat mementingkan kebendaan/bersikap individualistik
– terlalu sibuk dengan kerja/aktiviti sendiri
– kurangnya aktiviti kemasyarakatan
– berbeza fahaman politik/ideologi/agama

(iv) Kumpulan anda diminta membuat pembentangan kertas kerja berkaitan dengan langkah-langkah mengeratkan hubungan sesama jiran di tempat anda.

Cadangkan langkah-langkah tersebut. **KBAT** Mengaplikasi [4 *markah*]

– mengadakan majlis gotong-royong
– mengadakan rumah terbuka / hari keluarga
– mengadakan tabung kebajikan
– mengadakan program ceramah kesedaran
– menubuhkan jawatankuasa kejiranan setempat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 2

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, pelbagai langkah harus diambil supaya sektor pertanian akan terus maju. **Orientasi** dan **persepsi** masyarakat tentang bidang pertanian perlu diubah. Selain itu, kempen untuk menggalakkan lebih banyak anak muda menceburi bidang ini juga perlu dijalankan bagi *menghapuskan tanggapan* bahawa pekerjaan ini bertaraf rendah berbanding dengan sektor perkhidmatan. Mereka juga perlu diingatkan bahawa hasil penglibatan mereka dalam bidang ini akan dikecapi oleh generasi yang akan datang. Perhijrahan ke bandar juga dapat dielakkan dengan syarat tarikan seperti kemudahan asas, pinjaman, insentif, dan bantuan lain dapat disediakan dengan lebih banyak dan berkesan.

Seterusnya, program melahirkan petani moden dan berilmu perlu dilaksanakan secara **tekal**. Oleh hal yang demikian, lebih banyak institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus yang berkaitan dengan penyelidikan pertanian telah ditubuhkan. Di samping itu, program penyelidikan perlu dijalankan secara bersungguh-sungguh untuk meningkatkan hasil pertanian. Malaysia boleh belajar daripada Thailand atau daripada negara Asia yang lain yang menjadikan produk pertanian sebagai bahan eksport.

Dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Ekonomi,* April 2004

**GLOSARI**
- **orientasi** – arah aliran yang diikuti
- **persepsi** – tanggapan
- **tekal** – tetap; konsisten

**Bahan 2**

Untuk memajukan sektor pertanian, kaum petani perlu memiliki **prakarsa** untuk membuat perubahan atau sedia membuat **reformasi** terhadap sektor pertanian. Selain itu, petani moden juga perlu menggunakan ilmu sains dan teknologi yang canggih demi meningkatkan produktiviti, iaitu menjimatkan penggunaan tenaga dan meningkatkan hasil tanaman yang berkualiti dan berkuantiti.

Tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Pertanian dan sektor swasta perlu menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap sektor pertanian. Jurusan Pertanian di Pusat Pengajian Tinggi (IPT) dan pakar pertanian perlu berkomitmen untuk mengkaji penggunaan ilmu sains dan teknologi dalam sektor pertanian dan penternakan. Agensi Kementerian Pertanian terutamanya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sewajarnya menawarkan bengkel atau kursus untuk memberikan khidmat nasihat serta membekalkan baka yang bermutu kepada petani untuk menggunakan bioteknologi yang canggih.

Sumber: Internet

**GLOSARI**
- **prakarsa** – ikhtiar; daya usaha
- **reformasi** – perubahan atau pembaharuan kepada keadaan yang lebih baik

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menghapuskan tanggapan*. [2 *markah*]

menghentikan persepsi

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan langkah-langkah untuk memajukan sektor pertanian. [3 *markah*]

– orientasi dan persepsi masyarakat tentang bidang pertanian perlu diubah
– kempen untuk menggalakkan lebih ramai anak muda menceburi bidang ini perlu dijalankan
– Kementerian Pertanian dan sektor swasta perlu menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap sektor pertanian

(iii) Malaysia kini sedang melangkah maju menuju era perindustrian. Namun begitu, banyak pihak yang berpendapat bahawa kerajaan juga tidak harus mengabaikan sektor pertanian kerana sektor pertanian sangat penting kepada negara kita.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan-kelebihan sektor pertanian kepada negara? [3 *markah*]

– mampu meningkatkan pendapatan negara agar Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang maju
– memberikan peluang Malaysia menjadi pengimport bahan makanan terkemuka di dunia
– bekalan makanan dalam negara akan sentiasa ada walaupun berdepan dengan cabaran pandemik

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(iv) Remaja hari ini kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian.
Cadangkan langkah-langkah yang dapat mengubah senario tersebut. **KBAT** **Menganalisis** [4 *markah*]

– pihak sekolah perlu mewujudkan elektif Sains Pertanian di sekolah agar murid-murid mendapat pendedahan awal tentang bidang ini
– pihak ibu bapa perlu menyediakan kebun mini di rumah agar anak-anak mempunyai pengetahuan tentang aktiviti pertanian
– pihak kerajaan perlu mengadakan kempen berterusan tentang bidang pertanian kepada masyarakat agar remaja lebih meminati bidang ini
– pihak kerajaan perlu menawarkan lebih banyak kursus di universiti agar bidang ini membuka mata remaja untuk dijadikan sebagai kerjaya



© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

# RUMUSAN

## NOTA EKSPRES

TUTORIAL

Cara Mengira Perkataan



**KERTAS 1103/2 BAHAGIAN C**

Dua atau tiga bahan, iaitu sama ada petikan rencana, bahan grafik, atau puisi diberikan.

- Soalan wajib dijawab.
- Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.
- Markah yang diperuntukkan ialah 30 markah.
- Murid diminta untuk membuat rumusan mengikut fokus daripada pelbagai bahan yang disediakan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**1.** Dalam peperiksaan, soalan pemahaman rumusan dikemukakan sebagai Soalan 9.
**2.** Sebanyak 30 markah diperuntukkan bagi bahagian ini.
**3.** Dalam soalan ini, murid diberikan dua bahan yang sama isu, iaitu petikan dan grafik (pelbagai). Murid dikehendaki membaca bahan-bahan tersebut dengan telitinya, kemudian membuat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.
**4.** Rumusan hendaklah mengandungi bahagian pendahuluan, isi-isi tersurat Bahan 1 dan Bahan 2 dan kesimpulan. Murid haruslah mengasingkan setiap perenggan rumusan tersebut.
**5.** Murid digalakkan untuk menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan-bahan yang dikemukakan itu.
**6.** Agihan markah untuk rumusan adalah seperti yang berikut.
  (a) Isi – 20 markah (Pendahuluan: 2 markah, isi-isi tersurat: 16 markah, dan kesimpulan: 2 markah)
  (b) Bahasa – Maksimum 10 markah
**7.** Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi yang diperoleh oleh murid. Markah bahasa dinilai dari aspek:
  (a) Kesinambungan isi
  (b) Struktur ayat / tatabahasa
  (c) Kosa kata luas
  (d) Tanda baca dan ejaan
**8.** Nama khas, kata ganda, kata arah "di" dan "ke", tarikh, angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan, dan gelaran dikira sebagai satu patah perkataan.

### Kesalahan Lazim

**1.** Aspek isi:
  (a) Pendahuluan
  - Murid hanya menyentuh satu bahan dan mengabaikan bahan lain. [1 markah]
  - Murid menulis lebih daripada satu ayat pendahuluan. [0 markah]

  (b) Isi-isi tersurat
  - Murid mencampuradukkan isi-isi bagi kedua-dua bahan / tidak diasingkan. [0 markah]
  - Murid menyalin perkataan demi perkataan atau ayat demi ayat daripada petikan bulat-bulat.

  (c) Kesimpulan
  - Murid hanya menyentuh satu bahan dan mengabaikan bahan lain. [1 markah]
  - Murid tidak menggunakan hubung *agar*, *supaya*, *kerana*, dan sebagainya bagi memisahkan dua bahagian ayat kesimpulan. [1 markah]

**2.** Aspek bahasa:
- Murid menyalin ayat bulat-bulat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan. [0 markah]
- Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas. [Tolak 50% markah]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Baca dan teliti* **setiap bahan** *yang diberikan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

**Pelabelan** makanan ialah keterangan tentang tahap kandungan nutrien yang terdapat pada label makanan. Hal ini merupakan keterangan yang benar tentang kualiti pemakanan bahan makanan tersebut. Peraturan makanan sekarang yang dikenal sebagai Peraturan Makanan Malaysia 1985 mewajibkan pelabelan makanan pada setiap makanan. Perkara ini termasuklah makanan yang bertujuan khusus seperti susu formula bayi dan makanan berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak.

Pelabelan makanan memberikan keterangan tentang kandungan nutrien setiap makanan yang dikeluarkan. Langkah ini dapat membantu pengguna membuat pilihan yang lebih bijak tentang makanan yang hendak dibeli. Pada masa yang sama, usaha itu merupakan cara untuk memberitahu pengguna tentang kualiti sesuatu bahan makanan. Makanan yang diperkaya dengan vitamin atau mineral tertentu perlu ada keterangan tentang jumlah nutrien pada labelnya. Bagi makanan dalam pasaran yang didapati mempunyai pelabelan makanan, kebanyakan label berkenaan diletakkan sendiri oleh pengeluar secara sukarela. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang **pelarasan** dari segi format yang digunakan untuk menerangkan kandungan nutrien dalam makanan. Adakala berlaku kesilapan pada pelabelan nutrien itu.

Di kebanyakan negara, pelabelan makanan tidak diwajibkan. Namun begitu, kini banyak negara yang sedang mengkaji keperluannya kerana pelabelan makanan memainkan peranan penting dalam memajukan industri makanan. Pelabelan makanan dapat menyokong aktiviti pendidikan pemakanan kerana langkah tersebut menggalakkan penggunaan prinsip makanan dalam pemilihan makanan. Secara langsung, hal ini dapat membantu suri rumah menyediakan sajian yang bermutu dan seimbang untuk keluarga. Kriteria dalam pemilihan makanan yang akan diwajibkan pelabelan ialah kekerapan produk makanan itu digunakan, jumlah kuantiti yang dimakan, dan pentingnya produk makanan tersebut. Tenaga, protein, karbohidrat, dan lemak merupakan aspek penting dalam pelabelan makanan.

**GLOSARI**
- **pelabelan** – perbuatan membubuh label pada sesuatu
- **pelarasan** – penyamaan, penyesuaian

Dipetik dan diubah suai daripada 'Cadangan Pelabelan dan Tuntutan Pemakanan', *Utusan Malaysia*, Februari 2017

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Bahan 2**




[30 *markah*]

**Pendahuluan:**

Petikan membincangkan kepentingan pelabelan makanan dan pemakanan seimbang kepada masyarakat di Malaysia.

**Bahan 1**

**Fokus 1 – Kepentingan pelabelan makanan:**

(a) Memberikan keterangan tentang kandungan nutrien setiap makanan
(b) Membantu pengguna membuat pilihan yang bijak
(c) Memberitahu pengguna tentang kualiti sesuatu bahan makanan
(d) Memajukan industri makanan
(e) Dapat menyokong aktiviti pendidikan pemakanan
(f) Dapat membantu suri rumah menyediakan sajian yang bermutu dan seimbang untuk keluarga

**Bahan 2**

**Fokus 2 – Kepentingan pemakanan seimbang kepada masyarakat di Malaysia:**

(a) Pengambilan makanan berlemak, berminyak, manis, dan masin perlu dikurangkan
(b) Makan banyak sayur dan buah setiap hari
(c) Makanan yang mengandungi karbohidrat perlu dimakan secukupnya sahaja

**Kesimpulan:**

Kesimpulannya, pelabelan makanan dan pemakanan seimbang perlu dititikberatkan oleh semua pihak supaya kesihatan rakyat terjamin.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# LISAN

## Lisan Bertutur



### NOTA EKSPRES




Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Lisan Bertutur Secara Individu**

1. Murid memakai pakaian sekolah dengan kemas dan lengkap. Hal ini penting sebagai gambaran penampilan diri.
2. Di dalam bilik kuarantin, murid akan diberikan bahan ujian untuk dibaca secara senyap. Baca bahan tersebut dengan telitinya.
3. Murid akan dipanggil secara bergilir-gilir mengikut nombor giliran yang telah ditetapkan masuk ke bilik pentaksiran. Sewaktu masuk ke dalam bilik pentaksiran, duduk dengan selesa dan penuh keyakinan.
4. Dengar arahan pentaksir dengan telitinya.
5. Baca bahan petikan secara mekanis (kuat) mengikut intonasi suara yang sesuai.
6. Selepas selesai membaca petikan, murid akan ditanya empat soalan secara lisan. Kebiasaannya soalan pertama dan kedua melibatkan pemindahan maklumat teks daripada bahan petikan yang dibaca. Murid boleh melihat bahan petikan kembali. Murid hanya perlu menyatakan idea dan bukannya huraian atau contoh petikan.
7. Soalan ketiga dan keempat biasanya melibatkan soalan seperti pendapat, huraikan, jelaskan, dan bincangkan.
8. Murid digalakkan untuk menggunakan bahasa yang gramatis dan penggunaan kosa kata yang tepat.
9. Elakkan menggunakan bahasa slanga atau istilah bahasa Inggeris sewaktu menyampaikan idea jawapan.
10. Murid juga perlu mengemukakan idea yang relevan, matang, dan tepat dengan kehendak soalan.

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Lisan Bertutur Secara Kumpulan**

1. Baca arahan soalan atau tema dengan teliti. Berikan perhatian kepada kata kunci seperti *Ulas dan bincangkan*. 'Ulas' merujuk kepada perbuatan mengulas dengan memberikan keterangan dan taksiran tentang sesuatu perkara, manakala 'Bincangkan' pula bermaksud bertukar-tukar pendapat dengan ahli kumpulan mengenai perkara yang penting.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Murid digalakkan untuk berbincang dengan ahli lain untuk merangka idea-idea yang dapat digunakan dalam aktiviti berkumpulan.
3. Sesi pertama perbincangan, setiap ahli kumpulan terlibat untuk membentangkan pendapat secara individu.
4. Sesi kedua perbincangan pula melibatkan komunikasi dua hala. Oleh itu, sewaktu ujian berlangsung, murid digalakkan untuk mendengar idea yang disampaikan oleh ahli kumpulan dengan teliti.
5. Murid boleh memberikan galakan kepada ahli lain dengan menyatakan pendapat tambahan atau menyokong idea yang disampaikannya.
6. Beri ruang dan peluang kepada semua ahli kumpulan untuk bercakap.
7. Sekiranya perbincangan terhenti, murid digalakkan untuk membantu ahli-ahli lain untuk mengembangkan idea mereka dengan memberikan idea tambahan atau menyokong idea berkenaan. Tonjolkan sifat kepimpinan dan kesopanan dalam ujian berkumpulan ini.
8. Gunakan gelaran kata nama seperti *saudari* dan *saudara* sekiranya murid ingin menyokong atau menambah pendapat ahli lain.
9. Murid digalakkan untuk menggunakan kata perintah seperti *mohon* atau *silakan* sekiranya murid ingin mencelah atau meminta sokongan daripada ahli lain.
10. Murid digalakkan untuk menggunakan bahasa Melayu standard dan hukum tatabahasa yang betul.

**Kesalahan Lazim**

**Sewaktu Ujian Lisan Secara Individu**

1. Murid tidak membaca bahan petikan dengan bacaan yang jelas. Selain itu, murid membaca terlalu pantas sehingga menyukarkan pentaksir memahami sebutan yang dibaca.
2. Murid menggunakan sebutan, intonasi, dan nada yang kurang tepat dan jelas.
3. Murid tidak mendengar dengan telitinya arahan soalan daripada pentaksir sewaktu sesi soal jawab.
4. Murid mengambil masa yang lama untuk memberikan respons kepada setiap soalan pentaksir.

**Sewaktu Ujian Lisan Secara Berkumpulan**

1. Ahli kumpulan gagal mengemukakan idea dan pandangan yang relevan.
2. Pengulangan idea perbincangan yang hampir sama atau berulang antara ahli.
3. Ahli kumpulan tidak mendengar atau memberikan perhatian sewaktu sesi perbincangan berlangsung.
4. Penggunaan bahasa yang tidak beradab sewaktu ahli mencelah pendapat ahli yang lain.
5. Segelintir ahli bersikap memonopoli sesi perbincangan. Ahli kumpulan tersebut tidak memberikan ruang dan peluang kepada ahli lain menyampaikan pendapat.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN A INDIVIDU

### PRAKTIS 1 Tema: Anda Bersih, Anda Sihat

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**PENJAGAAN BUAH PINGGANG**



Di Malaysia, setiap hari sekurang-kurangnya 10 orang penduduk didiagnosis mengalami kerosakan buah pinggang yang kronik atau berada pada peringkat lima (teruk). Oleh itu, langkah pencegahan awal perlu diambil untuk menjaga kesihatan buah pinggang. Amalkan diet seimbang dan minum air kosong yang banyak. Kita juga digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif dan mengekalkan berat badan yang ideal. Elakkan penyalahgunaan ubat tahan sakit bagi mengurangkan kerosakan buah pinggang. Jangan mengambil minuman alkohol dan merokok. Perkara ini dapat mengurangkan aliran darah ke buah pinggang dan mengurangkan fungsi organ itu. Lakukan pemeriksaan awal buah pinggang sekurang-kurangnya setahun sekali.

[40 *markah*]

**Soalan Rangsangan**

**1.** Mengapakah rakyat Malaysia perlu menekankan aspek penjagaan kesihatan buah pinggang?

setiap hari sekurang-kurangnya 10 orang penduduk Malaysia didiagnosis mengalami kerosakan buah pinggang yang kronik atau berada pada peringkat lima (teruk)

**2.** Senaraikan cara penjagaan buah pinggang yang berkesan.

- mengamalkan diet seimbang dan minum air kosong yang banyak
- mengamalkan gaya hidup yang aktif
- mengekalkan berat badan yang ideal
- mengelakkan penyalahgunaan ubat tahan sakit
- tidak mengambil minuman alkohol dan merokok

**3.** Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan penyakit buah pinggang terhadap kehidupan sosial pesakit?

- kesan emosi, antaranya pesakit mudah marah, cepat berputus asa, dan mudah menyalahkan keadaan
- mengalami perubahan fizikal, antaranya penurunan berat badan yang mendadak – ketiadaan selera makan dan kawalan bagi pengambilan air
- mudah letih dan memerlukan rehat yang banyak
- aktiviti sosial dengan masyarakat terbatas dan banyak menghabiskan masa di rumah – kerana perlu mengikuti rawatan yang berkala dan mengambil masa yang lama
- mengalami masalah sosioekonomi apabila terpaksa mengambil cuti sakit yang lama ataupun berhenti kerja – pesakit dan keluarga kekurangan sumber kewangan bagi menampung kos rawatan

**4.** Cadangkan beberapa kaedah yang dapat digunakan untuk memberi kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang.

- ibu bapa mendidik anak-anak untuk menjaga pemakanan dengan mengelakkan makan makanan yang tidak berkhasiat – jangan dedahkan anak-anak kepada makanan segera atau minuman berkarbonat

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

- pengamal perubatan daripada pihak kerajaan mahupun swasta mengadakan program-program seperti pameran, kempen, dan ceramah kesedaran untuk menyebarkan maklumat tentang penjagaan kesihatan buah pinggang
- media massa melaporkan pameran, sesi ceramah kesihatan, kuiz kesihatan, dan lain-lain yang diadakan oleh pelbagai pihak – menyiarkan artikel dan program televisyen

## PRAKTIS 2 Tema: Sukan dan Rekreasi

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

### HARI SUKAN NEGARA



Sejak Hari Sukan Negara mula disambut pada tahun 2015, status aktiviti sukan dan riadah telah diletakkan sebagai agenda nasional dalam melahirkan Keluarga Malaysia yang sihat, aktif, dan cergas. Terdapat pelbagai faedah penganjuran Hari Sukan Negara. Aktiviti sukan dan riadah mampu meningkatkan tahap kesihatan masyarakat setempat. Selain itu, aktiviti dan acara sukan yang diketengahkan mampu mencungkil bakat sukan yang ada pada generasi muda. Seterusnya, bersukan juga mampu meningkatkan produktiviti kerja dan melahirkan rakyat yang mempunyai minda yang sihat. Pelaksanaan Hari Sukan Negara ini diharapkan akan membudayakan sukan sebagai gaya hidup demi kesejahteraan dan kesepaduan Malaysia pada masa hadapan.

[40 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Soalan Rangsangan**

**1.** Bilakah Hari Sukan Negara mula diperkenalkan?

pada tahun 2015

**2.** Nyatakan faedah yang diperoleh daripada penganjuran Hari Sukan Negara.

– meningkatkan tahap kesihatan masyarakat setempat
– mencungkil bakat sukan yang ada pada generasi muda
– meningkatkan produktiviti kerja
– melahirkan rakyat yang mempunyai minda yang sihat

**3.** Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah segelintir masyarakat kurang melakukan aktiviti sukan dan riadah?

– kurang kesedaran tentang kebaikan sukan
– menganggap aktiviti tersebut membuang masa
– beranggapan bahawa mereka yang berjaya dalam bidang sukan hanya disebabkan oleh bakat yang ada pada mereka – oleh itu, lebih suka melihat kejayaan orang lain sahaja berbanding menceburi aktiviti itu
– sibuk dan gemar melakukan aktiviti lain – sibuk dengan kerja, bermain permainan video, dan sebagainya

**4.** Cadangkan beberapa usaha yang boleh dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menyertai Hari Sukan Negara.

– pengisian aktiviti merangkumi pergerakan fizikal yang melibatkan aktiviti kecergasan, rekreasi, dan sukan
– mengadakan aktiviti berbentuk pertandingan, pertunjukan, dan riadah – misalnya, maraton, berbasikal, mendaki gunung, berkayak, dan lain-lain
– menawarkan hadiah yang lumayan dan menarik kepada pemenang dengan menganjurkan program bersama-sama pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan sukan, pentadbir sekolah, dan pentadbir institusi pengajian tinggi
– mempromosikan program melalui media cetak dan elektronik secara meluas seperti televisyen, surat khabar, majalah, radio – melalui media sosial, laman sesawang, dan sebagainya

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Lisan Mendengar

### NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/4**

- **Jenis Instrumen**
  - Ujian Mendengar
- **Jenis Item**
  - Objektif Aneka Pilihan
  - Objektif Pelbagai Bentuk
  - Objektif Respons Terhad
- **Bilangan Soalan**
  - 4 – 6 Petikan
    - 25 – 30 Soalan
    - Wajib Dijawab
    - Jawapan Berdasarkan Petikan
- **Jenis Instrumen Konstruk**
  - **Kemahiran Mendengar**
    - Memahami
    - Mengaplikasi
    - Menganalisis
- **Markah**
  - 30 Markah
- **Masa**
  - 30 Minit

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Murid haruslah membaca soalan dalam bahan yang diberikan dengan teliti untuk mengetahui soalan-soalan yang akan diuji.
2. Murid hendaklah mendengar bahan dengan teliti untuk memahaminya.
3. Murid tidak digalakkan untuk menjawab soalan ketika ini agar fokus murid mendengar keseluruhan petikan tidak terganggu.
4. Semasa soalan dikemukakan, barulah murid memilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan tersebut.
5. Jawapan murid mestilah berdasarkan petikan yang diperdengarkan.
6. Sewaktu bahan diperdengarkan sekali lagi, murid harus menyemak jawapan semula, terutama bagi soalan yang kurang jelas.

**Kesalahan Lazim**

1. Murid tidak memberikan fokus sepenuhnya semasa bahan dan soalan diperdengarkan, menyebabkan jawapan yang dipilih dan ditulis kurang tepat.
2. Murid gagal menguruskan masa dengan baik. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab semua soalan.
3. Jawapan murid tidak menggunakan tatabahasa dan kosa kata yang betul.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1 Rencana Kanser Hidung

TRACK 7

*Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.*

**1.** Lengkapkan rajah di bawah dengan maklumat berkaitan tanda-tanda kemungkinan seseorang itu mengalami kanser hidung.

**Tanda Kanser Hidung**
- Hidung tersumbat yang tidak pernah hilang
- Perubahan suara
- Keadaan hidung yang sentiasa berdarah
- Kerap mengalami sakit kepala
- Rasa sakit tanpa sebarang sebab pada bahagian muka, telinga, atau di dalam mulut

[2 *markah*]

**2.** Anda disarankan berjumpa dengan doktor bagi mendapatkan pemeriksaan yang menyeluruh. [1 *markah*]

**3.** Kanser hidung merupakan sejenis kanser yang biasanya terjadi di kawasan hidung berikut **kecuali**

**A** sel tisu.
**B** tulang.
**C** saraf.
**(D)** kulit.

[1 *markah*]

**4.** Isi tempat kosong di bawah dengan penyebab utama seseorang itu mendapat kanser hidung.

**Punca Kanser Hidung**
- Pendedahan kepada bahan kimia industri
- Dijangkiti virus pada bahagian tisu hidung
- Mengambil makanan yang mengandungi bahan pengawet

[2 *markah*]

**5.** Aspek penjagaan makanan mampu mengurangkan peluang seseorang itu menghidap kanser hidung pada masa hadapan. [1 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.